

BAB III

PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DI VETNAM SELEPAS RENOVASI DOI MOI

3.1 Pendahuluan

Tidak dapat dinafikan, Vietnam amat bergantung kepada pelaburan asing untuk meningkat perindustrian negaranya. Pelaburan asing juga merupakan tunggak bagi penerusan proses renovasinya. Undang-undang pelaburan asing telah diadakan pada tahun 1987 memperlihatkan begitu tegasnya hasrat untuk menggalakkan pelaburan asing dan pembangunan perindustrian. Sepanjang sepuluh tahun ini, undang-undang pelaburan asing telah berkali-kali disemak dan diselidik untuk memastikan peningkatan dalam pelaburan asing.¹

Untuk menggalakkan pelaburan asing dan pengeluaran eksport, kerajaan telah menukuhan satu pertukaran wang asing yang neutral lagi efektif. Terdapat penurunan nilai yang besar bagi Vietnam Dong per US\$ pada tahun 1989, berikutan dengan pengubahsesuaian dari semasa ke semasa berdasarkan indeks harga pengguna, telah membawa satu pertukaran matawang yang realistik, di mana sehala dengan kadar pasaran gelap. Sehingga 1992, bila nilai pertukaran matawang benar mula naik, mekanisma pertukaran membuat eksport Vietnam menjadi sangat kompetitif di dalam rantau Asia dan pasaran global.

Kerajaan Vietnam juga menyokong pengeluaran eksport dan pelaburan asing dengan pengagihan kuasa pusat dan perangkaan yang wajar

dalam polisi-polisi perdagangan dan kadar pencukaian. Hasilnya, peningkatan dalam perdagangan luar sangat menonjol; walaupun masih terdapat kelemahan yang perlu diatasi bagi menggalakkan peningkatan eksport iaitu merangka dan meliberasikan cukai import dan membanteras kegiatan penyeludupan. Kerajaan Vietnam yang masih mengekalkan skim cukai dan tidak cukai, telah menggalakkan pengeluaran eksport melalui penubuhan EPZ di Vietnam. Tapak-tapak Zon Industri, kebanyakannya berdekatan dengan bandar, menunjukkan kerajaan Vietnam bercita-cita untuk membangunkan industri SMI (*Small-Medium Industry*) .

Selain itu, kerajaan juga menggalakkan perkembangan sistem pembankaran dan kewangan, iaitu membenarkan penubuhan dan kemasukan bank-bank baru ke dalam sektor pembankaran. Tindakan ini bukan sahaja meliberasikan sistem pembankaran tetapi juga menarik pelaburan asing ke dalam sektor kewangan (berjumlah lebih US\$115 juta pada tahun 1993), sistem pembankaran yang baru meperkuuhkan dasar bagi perkembangan kewangan di Vietnam.

Lantaran itu, dalam jangka masa sepuluh tahun (1986-1995), kerajaan Vietnam juga melibatkan diri dalam renovasi dengan besungguh-sungguh supaya kestabilan dan penyesuaian struktur institusi itu boleh meningkat makro ekonomi dan keadaan iklim pelaburan di Vietnam. Tindakan-tindakan sedemikian merupakan cara yang paling efektif bagi menggalakkan pelaburan asing dan juga pelaburan domestik. Bukan ini sahaja, kerajaan Vietnam juga cuba campur tangan dalam pelaburan asing bagi

mengimbangkan objektif strategik, pemidahan teknologi tercapai dan syarikat-syarikat tempatan tidak tersisih dari pembangunan ekonomi.

Program renovasi Vietnam telah menggalakkan satu perubahan dalam komposisi pelaburan asing: dari tahun 1988- Dis 90, pelaburan asing di sektor industri hanya 13%, manakala pada Jan 1988 – Jan 1993, 40% pelaburan asing telah mengalir ke dalam industri berat dan ringan. Perubahan ini pada asasnya adalah akibat dari pelabur-pelabur baru dari pekilang-pekilang dari Negara-negara Industri Baru (NIEs) iaitu Taiwan, Hong Kong dan Korea Selatan, memindah pengeluaran yang intensif tenaga buruh, iaitu pakaian, tekstil dan kasut ke Vietnam.

Dari segi makro ekonomi, Vietnam telah berjaya mengekal satu kadar pertumbuhan yang positif, sejak 1991, satu arah peningkatan dalam pelaburan telah tingkat. Ini boleh dirujuk dalam Jadual 3.1, di mana pelaburan asing menunjukkan kepentingannya bermula pada tahun 1991 secara khusus.

3.2 Polisi-polisi Pelaburan Asing

Kerajaan Vietnam menganggap kemasukan pelaburan asing sebagai enjin utama dalam pembangunan ekonomi Vietnam. Vietnam mengalu-alukan semua bentuk pelaburan asing selagi aktiviti pelabur-pelabur tersebut tidak bercanggah dengan kebijakan, nilai dan tradisi Vietnam. Pelaburan asing menubuhkan satu ekonomi yang berorientasi eksport; menciptakan peluang pekerjaan, membasmikan kemiskinan dan meningkatkan kemahiran teknikal tenaga manusianya. Dalam merangka

Jadual 3.1: Kadar Pertumbuhan KNK Dan Pelaburan

Tahun	KNK (US\$ bilion)	FDI/KNK (%)
1988	9.7	2.4
1989	10.5	3.1
1990	11.0	4.3
1991	11.4	10.1
1992	12.5	15.3
1993	13.8	19.9

FDI ialah merujuk kepada pelaburan asing

Sumber: Nguyen Anh Tuan, *Prospects for Vietnam's Industrialization*, INSAN, Malaysia, 1996, hlm.66.

polisi-polisi pelaburan asing, kerajaan Vietnam telah mengenalpasti kepada sektor-sektor berikut:²

- (a) Aktiviti yang membawa masuk matawang asing, iaitu pelancongan dan pengeksploitasi minyak
- (b) Industri perkilangan yang berorientasi eksport
- (c) Industri yang berintensif tenaga buruh, menggunakan bahan-bahan mentah dan semulajadi di Vietnam
- (d) Pembangunan infrastruktur
- (e) Industri berteknologi tinggi yang menggunakan tenaga mahir

Untuk mencapai objektifnya, kerajaan telah menjalankan serampang dua mata. Pada peringkat makro, ia membentuk satu ekonomi dan satu rangka legal dalam menjalankan perdagangan dan pelaburan. Ini termasuk satu pengubahsuaian dalam Perlembagaan pada tahun 1992 untuk memastikan “*no nationalisation of the assets of investors*” dan pengumuman peraturan-peraturan pelaburan asing di mana membekal asas legal bagi penubuhan syarikat asing di Vietnam.

Untuk memudahkan calon-calon pelabur untuk mendapat lesen operasi, kerajaan Vietnam berjanji untuk membaiki prosedur pentadbiran. Sebagai contoh, pada Januari 1996, SPC (*State Planning Committee*) telah bergabung dengan SCCI (*State Committee for Cooperation and Investment*), menjadi MPI (*Ministry of Planning and Investment*) bertujuan untuk membekal perkhidmatan “*one stop*” kepada pelabur-pelabur dalam hal persetujuan dan kelulusan lesen pelaburan.

Pada peringkat mikro, usaha-usaha spesifik telah diambil untuk menarik pelaburan asing. Keutamaan kerajaan telah diumumkan dalam promisi katalog dan kertas projek, seperti projek-projek yang mengupah lebih 500 pekerja, menggunakan teknologi tinggi, atau yang mengeksport sekurang-kurang 80% dari jumlah pengeluaran, insentif dari segi pencukaian yang lebih baik akan diberi.

Bagi menarik pelaburan asing ke dalam perkilangan yang berorientasi eksport, kerajaan telah menukuhan *Export Processing Zone* (EPZs) di beberapa kawasan yang berlainan. EPZs menawar satu keadaan perdagangan bebas, infrastruktur yang baik dan insentif yang menarik. Pada masa kini, telah terdapat 6 zons telah diberi lesen, Tan Thuan dan Linh Trung di Ho Chi Minh di Selatan, Nomura Haiphong EPZ/IZ di Utara , Danang EPZ/IZ di tengah dan Can Tho terletak di Delta Mekong dan Noi Bai di Hanoi. Selain itu, kerajaan Vietnam juga menukuhan beberapa zon-zon industri di seluruh Vietnam.

Daripada langkah di atas, kerajaan juga memperkenalkan satu skim untuk menyewakan tanah pada harga dan kos yang rendah secara relatif bagi syarikat-syarikat asing yang rela membangunkan zon-zon industri (IZ). Ini dapat membantu kerajaan memindahkan beban pembangunan infrastruktur di dalam tapak-tapak industri ini kepada syarikat-syarikat asing yang berminat. Kerajaan juga menggalakkan projek infrastruktur dengan memberi insentif seperti BOT (*Build- Operate- Transfer*). Ini termasuk pembinaan jalan-jalan raya, jalan-jalan keretapi, jambatan dan lain-lain.

Walaupun Vietnam gigih dalam slogan dan peraturan-peraturan untuk membuka ekonominya kepada pelaburan asing, tetapi kebanyakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang digubal tidak spesifik, tidak mempunyai komitmen jangka masa panjang dan selalu berubah-ubah. Penaksiran undang-undang dan peraturan-peraturan bergantung kepada ilmu pengetahuan serta kehendak jabatan kerajaan tertentu dan kurang penyelarasannya antara jabatan-jabatan yang berlainan. Keadaan ini menyebabkan ramai pelabur asing tersekat dalam projek pelaburan mereka dan mengalami kerugian yang besar. Akibatnya, ramai pelabur asing telah berputus asa meninggalkan Vietnam atau mengurangkan saiz pelaburannya.

3.3 Situasi Pelaburan Asing Di Vietnam

Seperti yang telah dinyatakan, undang-undang pelaburan asing diadakan pada Disember 1987 oleh Dewan Negara Vietnam. Ia telah dipinda sebanyak dua kali sejak termaktub. Ia dikenali sebagai paling liberal lagi menarik di dalam rantau ini. Elemen yang paling penting dalam undang-undang pelaburan asing dari pandangan calon-calon pelabur ialah jaminan yang mana pelabur-pelabur dijanjikan akan menerima "*fair & equitable treatment*" dan aset pelabur-pelabur asing tidak akan dimiliki negara, dituntut atau dirampas tanpa izin suka rela oleh pelabur-pelabur asing. Pelabur-pelabur asing diberi kebenaran menghantar balik modal dan keuntungan ke luar negara dan tenaga pakar yang bekerja di projek pelaburan asing boleh menghantar balik pendapatan mereka.

Vietnam juga berikrar untuk melindungi faedah dan kebajikan pelabur-pelabur asing kesan perubahan legislatif yang bahaya atau membawa keburukan kepada pelabur-pelabur asing. Sejak 1987, Vietnam telah menandatangani beberapa perjanjian dua hala (*bilateral treaties*) dengan negara-negara asing untuk menjamin hak-hak tersebut. Satu perbandingan insentif-insentif pelaburan asing di beberapa negara serantau dengan Vietnam ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

Kerajaan Vietnam telah mencipta undang-undang atau peraturan-peraturan baru, memperbaiki infrastruktur perundangan dengan melakukan perpindaan bagi yang sedia ada dalam sepuluh tahun itu. Selain daripada itu, untuk lebih memberi galakkan kepada pelabur-pelabur asing, kerajaan Vietnam juga menawar pencukaian murah hati dan program insentif bagi pelabur-pelabur asing jikalau pelaburan mereka terjatuh di dalam senarai sektor keutamaan.³ Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah untuk meringkas dan memudahkan proses perlesenan, termasuk penetapan jangka masa tertentu bagi menyemak dan melulus sesuatu projek pelaburan.

Pelaburan asing semakin meningkat sejak Vietnam memperkenalkan undang-undang pelaburan asing pada tahun 1987. Arah yang terus meningkat ini berasalan pada tahun 1992 dan 1993 apabila renovasi yang selanjutnya diperkenalkan. Setakat pertengahan 1993, lebih US\$6 bilion dalam projek pelaburan asing telah diluluskan, sebahagian besar daripadanya ialah dalam sektor eksplorasi minyak dan gas. Bagaimanapun, kemasukan sebenar pelabur-pelabur asing dari sektor bukan minyak pada 1988-92 adalah lempar iaitu di bawah US\$1 bilion, satu angka yang kecil secara relatif berbanding

Jadual 3.2: Perbandingan Insentif-insentif Pelaburan Asing Di Beberapa Negara Serantau Dengan Vietnam

Negara-negara	Insentif-insentif Cukai	Import Tarif	EPZ/Alat-alat Perdagangan Bebas Yang Lain	Insentif-insentif Lain/atau keadaannya.
Indonesia	Tiada	Duti <i>drawback</i>	Zon-zon bonded	Cara usahasama dimintakan dalam pelaburan asing
Malaysia	Cukai bebas selama lima tahun	Pengecualian kepada mesin-mesin dan bahan-bahan mentah yang dipersetujui dalam sesetua projek.	Beberapa EPZ (FTZ dikenali di Malaysia)	Pinjaman-pinjaman dari bank-bank yang disubsidi oleh kerajaan tersedia Perbelanjaan dalam R & D boleh mendapat pemotongan cukai
Filipina	Cukai bebas selama lima tahun ke lapan tahun	-Pengecualian untuk mesin-mesin -Perlindungan tarif selepas beroperasi tersedia	Beberapa EPZ	1. Terdapat insentif cukai kepada projek-projek di kawasan-kawasan pembangunan 2. Perbelanjaan dalam R & D boleh mendapat pemotongan cukai
Singapura	Cukai bebas selama lima tahun ke sepuluh tahun	Pengecualian hampir kesemua import	Beberapa FTZ	1. Pinjaman-pinjaman pada kadar konsesi bagi industri-industri yang disasarkan 2. Perbelanjaan dalam R & D boleh mendapat pemotongan cukai
Negara Thai	Cukai bebas selama tiga tahun ke lima tahun	Pengecualian bagi mesin-mesin dan bahan-bahan mentah yang terpilih	Dua EPZ	1. Kredit-kredit cukai bagi projek-projek yang di luar Bangkok 2. Terdapat sokongan infrastruktur dalam projek-projek besar.
VIETNAM	Cukai bebas selama dua tahun campur cukai bebas dengan kadar 50% selama dua tahun lagi	Pengecualian kepada mesin-mesin dan bahan-bahan mentah bagi projek-projek yang dipersejui	Beberapa EPZ	1. Kadar koperasi yang lebih rendah jika lalu projek dalam senarai industri keutamaan 2. Kebenaran 100% milikan

Sumber: Vietnam Transition to the market, laporan World Bank, 1991, 88.

dengan negara-negara jiran. Data agregat menggambarkan kadar tahunan bagi implementasi pada tahun semasa berbanding dengan tahun-tahun lepas ialah 25-30%.⁴ Jumlah pelaburan yang diimplementasi pada tahun 1988-96 ialah US\$8085 juta kira-kira 32% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.⁵

3.3.1 Struktur Dan Corak Pelaburan Asing

Struktur dan corak pelaburan asing di Vietnam telah mula mengalami perubahan sejak 1988, dan mempunyai ciri-ciri seperti berikut:⁶

- a. Penurunan pelaburan asing dalam sektor pertanian.
- b. Penambahan pelaburan dalam sektor perkilangan/pengeluaran, antaranya petroleum dan gas, merupakan sektor-sektor yang digemari oleh pelabur-pelabur asing.
- c. Peningkatan kepentingan firma-firma Asia sebagai sumber modal asing dan pelabur utama.

Daripada Jadual 3.3, secara ringkas dapat disimpulkan seperti berikut:

- a. Hanya terdapat bahagian yang kecil sahaja dari pelaburan asing mengalir masuk ke dalam sektor pertanian, perikanan dan perhutanan, meskipun bahagiannya dalam KNK (38.2% pada 1992) dan tenaga kerja mengambil 72.3% pada 1990. Pertanian di Vietnam hanya dapat menarik sedikit pelaburan asing memperlihatkan terdapatnya masalah dalaman dalam sektor ini, antaranya termasuklah produktiviti yang terlalu rendah, kuasa beli yang rendah dari populasi rural, pasaran beras di luar negeri amat terhad dan fisikal infrastruktur yang buruk.⁷

**Jadual 3.3: Struktur Pelaburan Asing di Vietnam, 1988-1992
(Peratusan)**

Sektor	1988-90	Disember 1991	Disember 1992
Petroleum dan Gas	31.9	21.3	26.2
Perkilangan	13.2	13.9	40.0
Pertanian, perikanan dan Perhutanan	21.9	28.2	6.2
Perhotelan	23.7	25.6	16.5
Perkhidmatan	**	**	4.1
Telekomunikasi dan Pengangkutan Pembinaan	9.0	10.6	4.0
Perkhidmatan Kewangan			0.2
Lain-lain	0.3	0.2	0.4
JUMLAH	100.0	100.0	100.0

** Data bagi perkhidmatan mempersatukan dengan perhotelan, 1988-1991.

Sumber: Caroyln Gates , Truong, David H.D., **Foreign Direct Investment and Economic Change in Vietnam: Trends, Causes and Effects**, Nordic Institute of Asian Studies, Denmark, 1994,10.

b. Pelaburan dalam perkilangan bertambah dengan pesatnya. Pelabur-pelabur asing menggunakan Vietnam sebagai tapak untuk mengeksport barang dan perkhidmatannya kepada negara-negara ketiga yang lain; zon relokasi untuk mengelakkan kos-kos tenaga buruh yang semakin naik di negara-negara masing-masing; tapak eksplotasi bagi bahan-bahan, petroleum, pertanian dan bahan-bahan mentah yang lain; dan satu polisi jangka masa panjang untuk menawan pasaran domestik yang berpontensi. Pergerakan ke arah sektor perkilangan menunjukkan cara yang berkesan menambah nilai kepada bahan-bahan mentah dan mengeksport barang siap, dengan itu, dapat memperolehi matawang aisng yang berharga.

Di Vietnam, kebanyakan pelabur asing ialah dari Negara-negara Industri Baru (*NIE*). Syarikat-syarikat Asia melabur lebih daripada 50% daripada modal asing yang masuk ke Vietnam. Sebahagian besar dari pelaburan asing ialah dari negara-negara seperti Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong, Singapura dan Jepun. Dengan melihat kepada Jadual 3.4, didapati negara-negara Asia telah menduduki tujuh tempat teratas daripada negara-negara barat dalam 10 pelabur-pelabur asing yang utama di Vietnam. (Sila lihat Jadual 3.4)

Tujuan syarikat-syarikat Asia yang melabur di Vietnam ialah mencari jalan untuk melokasi semula kilang mereka yang berintensif buruh ke Vietnam. Vietnam mempunyai tenaga buruh yang ramai, upah yang rendah dan secara relatifnya terlatih. Pada masa kebelakangan 1990 dan 1991, Negara-negara Industri Baru Asia mula melabur di Vietnam

**Jadual 3.4: Sepuluh Pelabur-pelabur Asing Yang Utama Di Vietnam,
Ogos 1996**

Negara	Jumlah Projek	Modal Yang Dilabur	Jumlah Peratusan
Taiwan	256	4008	18.3
Jepun	154	2413	11.0
Singapura	140	2374	10.8
Hong Kong	186	2305	10.5
Korea Selatan	163	2166	9.9
Amerika Syarikat	61	1285	5.9
Malaysia	48	925	4.2
Negara Thai	63	666	3.0
Perancis	75	655	3.0
Australia	48	621	2.8

Sumber: Tan Tech Meng (ed), **Business Opportunities in Vietnam**,
Nanyang Business School, Singapura, 1997, 9.

dalam sektor perkilangan, terutama dalam sektor pengeluaran seperti tekstil, pakaian, kasut dan perkakas rumah tangga, pemasangan barang elektronik dan pemprosesan makanan. Pelaburan dalam perkilangan meningkat dengan cepatnya pada tahun 1992, terutamanya dalam elektronik, kimia, bahan-bahan bina, pemasangan kenderaan bermotor dan pembangunan EPZ.

Negara-negara Asia Industri Baru bertujuan menggunakan kelebihan Vietnam dengan memindah industri yang berintensif buruh dari Asia Timur yang semakin tinggi kosnya ke satu negara yang mana upah adalah rendah, dan pekerja-pekerja adalah berdisiplin, berkemahiran dan berpotensi tinggi dalam produktiviti. Faktor tolakan adalah penting, di mana Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong, Singapura telah menjadi pengeluar yang berkos tinggi dan sebagai pengeluar-pengeluar yang matang, mereka tidak lagi menikmati jalan masuk yang senang dalam pasaran dunia yang besar dan kaya.

Faktor tarikan seperti kestabilan ekonomi makro dan perikliman pelaburan yang mengalakkan dari satu program reformasi yang serius; kebenaran menggunakan modal yang kecil untuk memulakan projek perkilangan; kesenangan mendapat sumber semulajadi yang kaya dan pasaran yang semakin maju, dan satu kedudukan geografik yang strategi yang dapat memudahkan kemasukan dan tembusan pasaran Indochina yang berhampiran.⁸

3.3.2 Lokasi Kawasan Perindustrian Di Vietnam

Tiga perempat daripada projek pelaburan asing pada tahun-tahun 1988-92 terletak di bahagian Selatan Vietnam. Hanya 7% kelulusan

pelaburan asing pada tahun 1995 terdapat di pertengahan Vienam, berbanding dengan 36% di bahagian utara dan 57% di bahagian selatan. Pada 1994, angka-angka ialah 6%, 40% dan 54% masing-masing.⁹ Faktor-faktor dari sejarah dan kemudahan tempatan sedikit sebangyak mempengaruhi fenomena itu.

Daripada Jadual 3.5 di bawah, jelas menunjukkan bahawa kawasan Selatan merupakan kawasan yang paling disukai oleh pelabur-pelabur asing. Bandaraya Ho Chi Minh sahaja. Ia dapat menarik kira-kira 30% daripada jumlah pelaburan di Vietnam berbanding dengan Tay Ninh yang terletak di bahagian barat, hanya mampu menarik 0.82%. Fenomena itu bukan berlaku secara kebetulan, tetapi ia boleh dijelaskan, memandangkan pendapatan per kapita di Selatan ialah US\$800-1000, (kira-kira empat kali ganda dari purata nasional) berbanding US\$100 di kawasan pergunungan yang amat mundur. Terdapat komen-komen yang mengatakan penduduk Selatan lebih berfikiran bebas dan boleh menerima perubahan dengan cepat. Orang Selatan juga dianggap lebih biasa dengan jenama antarabangsa.

Pusat pelaburan di bahagian Selatan terletak di segitiga ekonomi Ho Chi Minh-Provinsi Dong Nai-Vung Tau. Sebahagian besar pelaburan asing telah mengalir masuk ke dalam pembangunan sumber tenaga dan infrastruktur yang berhampiran di sepanjang bandar kota selatan Vung Tau. Kemasukan pelaburan tersebut dan pertumbuhan yang boleh dihasilkan daripadanya ialah pembangunan tenaga letrik akan bertambah secara dramatik selepas satu projek penapisan petroleum dan saluran paip gas semulajadi dibina dalam kawasan Vung Tau. Ho Chi Minh dan kawasan industri yang

Jadual 3.5: Sepuluh Lokasi-lokasi Yang Mendapat Pelaburan Asing Yang Utama (US\$ juta), Ogos 1996

Provinsi/Bandar	Jumlah Projek	Modal Yang Dilabur	Peratusan
Selatan	1050	12177	64.00
Utara	529	6854	36.01
Bandaraya Ho Chi Minh	538	5719	30.05
Hanoi	272	3506	18.42
Dong-Nai	166	2428	12.76
Song Be	70	447	2.35
Haiphong	56	978	5.14
Vung Tau	63	873	4.59
Tay Ninh	10	157	0.82

Sumber: Tan Tech Meng (ed), **Business Opportunities in Vietnam**, Nanyang Business School, Singapura, 1997, hlm. 9.

berhampiran di sekitar provinsi Dong Nai menerima 35% (US\$1.42 bilion) dari jumlah pelaburan asing yang terlaksana., kebanyakannya dalam sektor perkilangan, perhotelan dan perkhidmatan. Beberapa provinsi di Delta Mekong juga menerima pelaburan asing yang kecil secara relatifnya.¹⁰ Jumlah pelaburan asing yang terlaksana di segitiga ini pada Jun 1996 ialah US\$4.5 bilion.¹¹

Kerajaan Vietnam bercita-cita untuk membina 49 zon-zon industri dari Ho Chi Minh dan satu jaringan zon-zon industri yang bermula dari Selatan Song Be, melalui Bien Hoa, menerusi Jalan 51, ke Ba Ria-Vung Tau. Kawasan zon-zon industri ini dijangkakan akan mengambil tempat kira-kira 23,000 hektar pada tahun 2010 dan daripada itu, industri-industri yang baru akan menduduki 10,000 hektar tanah industri. Pelaburan yang bernilai US\$20-30 bilion untuk infrastruktur dalam zon-zon industri diperlukan untuk memastikan pembekalan 2.7 juta peluang pekerjaan.¹²

Di bahagian Utara, segitiga ekonomi pembangunan ialah Hanoi-Haiphong-Provinsi Quang Ninh merupakan pusat lokasi bagi projek pelaburan asing. Pada tahun 1992, lebih 40% dari pelaburan asing tertumpu di Utara dan pergerakan ini diperkuatkan lagi dalam tahun 1993.¹³ Jumlah pelaburan asing yang terlaksana dalam segitiga ini pada Jun 1996 ialah US\$0.6 bilion.¹⁴ Walaupun keadaan fizikal dan tenaga kerja dan pengalaman keusahawan lebih baik di Selatan, Utara juga mempunyai kelebihannya tersendiri yang menarik pelaburan asing seperti tenaga buruh yang lebih murah, lebih dekat dengan pusat birokratik di mana Hanoi ialah ibu negara Vietnam. Selain itu, perdagangan sempadan antara dengan China juga

semakin mengembang, dan yang lebih penting ialah pembuat polisi dan kerajaan pusat telah menggalakkan kawasan Utara. Ini terbukti dengan VID Public Bank yang membuka bank usahasama di Vietnam bermula dengan Hanoi, pengurus besar VID Public Bank berkata: “*There is a general feels that if you open in Hanoi first it gives you an advantage.*”¹⁵

Sejajar dengan galakan kerajaan untuk membangun bahagian Utara, satu program untuk membangunkan zon-zon industri telah dirangka di mana 22 zon-zon industri dibina dari sekarang ke tahun 2010. Zon-zon industri ini dijangka akan menduduki lebih 11,000 hektar di mana industri-industri baru akan menduduki lebih 7,000 hektar. Pelaburan infrastruktur yang bernilai US\$9-10 bilion diperlukan di dalam zon-zon tersebut. Zon-zon ini dijangka akan membekal 1.5 juta peluang pekerjaan.¹⁶

Selain daripada dua segitiga di bahagian Utara dan Selatan ini, kawasan lain yang menarik bahagian besar pelaburan aisng terletak di pertengahan Vietnam, dari Hue melalui Danang ke provinsi Quang Ngai. Kira-kira 14 zon-zon industri akan dibina di kawasan ini di sekitar Danang dan Dung Quat, meliputi hampir 6,000 hektar dan dijangkakan akan menarik lebih 600,000 tenaga kerja. Pelaburan yang bernilai US\$4 bilion diperlukan untuk membangunkan infrastruktur di dalam zon-zon tersebut.¹⁷

Kerajaan Vietnam amat menyedari hakikat di atas, ia telah mengambil langkah-langkah untuk memajukan infrastruktur di kawasan-kawasan yang lebih mundur, dan memberi insentif-insentif yang lebih menarik kepada pelabur-pelabur yang ingin melabur di kawasan-kawasan luar bandar dan pergunungan. Ini termasuk pemotongan sewa, pengecualian cukai dan

kadar cukai yang terendah ditawarkan.¹⁸ Pelaburan asing jarang terdapat di kawasan pendalaman, selagi jalanraya dan jaringan keretapi di Vietnam tidak dibina semula dan diperkembangkan. Sebahagian besar pelaburan asing akan terus bertapak di kawasan urban dan bandar-bandar di sepanjang pantai.

3.3.3 Saiz

Sejak Vietnam membuka ekonominya kepada pelaburan asing, ramai pelabur asing yang mengambil kesempatan ini. Jumlah kapital yang dilabur biasanya secara purata US\$500,000 dalam satu projek pelaburan. Ini terkecuali dari projek tenaga, telekomunikasi dan pembangunan EPZ. Bagaimanapun, keadaan ini telah berubah pada tahun 1989, dimana saiz projek semakin membesar, selari dengan rangka institusi Vietnam yang semakin stabil dan lebih bermanfaat kepada pelabur-pelabur asing. Kekerapan jumlah yang dilabur dalam sektor-sektor industri ringan, perhotelan dan pelancongan, pertanian, perhutanan dan perikanan berada dalam lingkungan US\$5-10.

Sejak 1992, beberapa syarikat transnasional telah menjalankan kajian pra-kebolehlaksanaan ke atas pelaburan di dalam projek besar dalam industri berat seperti besi dan simen.¹⁹ Selepas tahun 1995, keadaan ini telah mengalami perubahan. Pegawai-pegawai Vietnam mengharap dan menjangkakan modal asing dalam jumlah besar, untuk memecut peningkatan ekonomi. “*We call for the big projects... the small projects come naturally*” kata Truong Thanh, pegawai kanan dalam Provinsi Lam Dong.²⁰ Ini tidak bermakna projek-projek kecil tidak diperlukan secara menyeluruh, tetapi

jangan mengharapkan “*red-carpet treatment*”. Teorinya ialah projek-projek yang besar dapat menciptakan pusat-pusat pertumbuhan dan wang yang banyak yang dilabur dan digunakan dalam satu-satu tempat merupakan “*a drop of oil that is expanding*”.²¹

3.3.4 Ragam Pelaburan

Undang-undang pelaburan asing membenarkan tiga ragam pelaburan iaitu usahasama, 100% milik asing dan kontrak perdagangan koperasi.

Masa maksima untuk satu lesen ialah 50 tahun dari masa lesen itu dikeluarkan. Walaupun dalam sesetengah kes yang luar biasa, jangka masa yang lebih panjang, iaitu 70 tahun akan diberikan dengan kelulusan dari Dewan Negara. Pejabat perwakilan merupakan salah satu pilihan kepada syarikat-syarikat asing yang ingin mempunyai perhubungan perdagangan dan komersial dengan Vietnam. Selain itu, bank-bank, firma-firma audit, perundangan dan insuran boleh menubuhkan pejabat-pejabat cawangannya di Vietnam. Pelabur-pelabur asing yang terlibat dalam projek-projek pembinaan infrastruktur boleh menandatangani kontrak *Build-Operate-Transfer*(BOT), *Build-Transfer-Operate* (BTO) dan *Build-Transfer* (BT) dengan badan kerajaan yang berkaitan.

Kebanyakan pelabur asing di Vietnam untuk memulakan projeknya telah memilih ragam usahasama. Pada tahun-tahun 1988-1992, ia mendominasi 74.4 %²² dari jumlah projek pelaburan asing. Bagaimanapun ragam ini semakin kurang diminati oleh pelabur-pelabur asing. Ia

memperlihatkan penurunan kepada 63.7%²³ dari jumlah projek pelaburan asing di Vietnam pada Ogos 1995. Bagaimanapun, ragam 100% milik pelabur asing semakin meningkat dalam jumlah projek pelaburan asing. Ini kerana ramai pelabur asing menghadapi lebih banyak masalah dalam ragam usahasama berbanding 100% milik asing. Peratusan ragam 100% milik asing semakin naik, umpamanya ia naik dari 21.10% pada tahun 1995 kepada 42% pada tahun 1996 manakala ragam usahasama telah turun kepada 55% pada tahun 1996.²⁴

3.3.5 Pencukaian Dan Insentif-insentif

Walaupun di dalam undang-undang pelaburan asing hanya menggariskan cukai keuntungan dan pengiriman wang, syarikat-syarikat asing yang melabur di Vietnam juga harus membayar cukai-cukai yang lain. Sistem pencukaian di Vietnam sedang berubah dengan cepatnya di mana undang-undang baru diluluskan dan terjemahan-terjemahan ke atas peraturan-peraturan baru dibentuk. Sebagai contoh, Vietnam baru-baru ini telah mempekenalkan *Value Added Tax (VAT)* yang akan berkuatkuasa pada tahun awal 1999. Selain itu, dengan kemasukan ke dalam ASEAN, Vietnam telah menurunkan duti-duti importnya dengan maksimanya 60% (di mana pada masa dahulu ialah 200%) pada permulaan tahun 1996. Cukai jualan juga dilonggarkan. Yang perlu diambil perhatian di sini ialah autoriti-autoriti cukai tempatan mungkin mempunyai taksiran ke atas peraturan-peraturan yang berbeza dengan kerajaan pusat. Jadi pelabur-pelabur asing yang ingin melabur di Vietnam mesti berhubung dengan autoriti-autoriti yang berkaitan untuk

memastikan persefahaman yang betul dan jelas. Selain daripada itu, pelabur-pelabur asing harus menyiapkan diri atau bersedia untuk menerima kenyataan akan terdapatnya jurang antara yang merangka dan menandatangani undang-undang di peringkat atas dengan menteri-menteri atau pegawai-pegawai yang mengimplementasi dan menguatkuasakan undang-undang di peringkat bawah.

Jenis-jenis cukai yang ada ialah cukai keuntungan, cukai *turnover*, cukai jualan spesial, cukai kontraktor, cukai pengiriman (atau *withholding*), cukai import dan eksport, cukai sumber alam, cukai tanah dan cukai pendapatan perseorangan.

Untuk menggalakkan pelaburan asing, kerajaan telah menawarkan kadar cukai keuntungan²⁵ yang lebih rendah, cukai pengiriman²⁶, pemotongan cukai dan cukai bebas kepada barang kapita dan projek-projek tertentu. Secara umumnya, semua barang import dan eksport dikenakan cukai di mana kadar maksimanya ialah 60%. Barang konsumen, terutama barang mewah, dikenakan duti yang lebih tinggi, manakala barang modal dan bahan-bahan mentah boleh menikmati duti yang lebih rendah atau tiada cukai dikenakan. Untuk menggalakkan pemprosesan di dalam negara, kerajaan telah menaikkan duti eksport ke atas bahan-bahan mentah dan merendahkan duti import ke aras mesin-mesin dan peralatan pemprosesan. Tiada cukai import akan dikenakan ke atas bahan-bahan mentah untuk pemprosesan dan dieksport semula dalam 90 hari.

Insentif-insentif cukai yang diberikan pada dasarnya adalah menarik, tetapi dalam praktisnya ia menjadi tidak begitu menarik lagi malah ia menghampaskan pelabur-pelabur asing. Ramai pelabur-pelabur asing merasa

tertipu oleh insentif-insentif cukai tersebut. Masalah yang utama ialah dalam implementasi insentif-insentif itu timbul banyak kekeliruan dan keputusan masih terserah kepada pendirian pegawai yang mengendalikan operasi tersebut, tidak mempunyai keseragaman dan konsistensi.

3.4 Pencapaian

Menurut Kementerian Perindustrian, kadar pertumbuhan industri di Vietnam telah mencapai 14.1% pada tahun 1996. Di antara semua sektor ekonomi, sektor yang dilabur dengan modal asing telah mengetuai kadar pertumbuhan iaitu 21.7%, diikuti dengan 21.88% oleh sektor milik negara dan 11.8% oleh sektor bukan milik negara.²⁷ Akibat dari renovasi dan usaha-usaha kerajaan untuk menggalakkan pelaburan, nilai tahunan bagi pelaburan asing telah meningkat dengan drastiknya kepada US\$7 bilion dalam tahun 1995 berbanding US\$366 juta dalam tahun 1988. Size purata projek pelaburan asing (kecuali dalam kawasan petroleum) juga meningkat ke US\$11.7 juta per projek dalam tahun-tahun 1993-94 dan kira-kira US\$13 juta dalam tahun 1995 berbanding dengan hanya US\$3.5 juta pada tahun-tahun 1988-90. Pada peringkat awal, modal yang dilabur tertumpu dalam kawasan eksplorasi petroleum dan pembinaan hotel. Pada masa kebelakangan ini, pelaburan telah berpindah ke sektor perkilangan. Perkilangan merupakan 40% dari keseluruhan pelaburan asing pada tahun 1992.

Satu halangan bagi perkembangan pelaburan asing adalah kekurangan modal antarabangsa. Krisis modal berlaku disebabkan oleh bertambahnya permintaan pembangunan dan penyusunan semula yang sedang

berlaku di Soviet Union lama, Eropah Timur, dan negara-negara yang berpendapatan rendah, permintaan modal yang semakin meningkat dan penurunan yang semakin serius dalam tabungan industri dunia, dan rendahnya tabungan persendirian dan semakin tingginya perbelanjaan kerajaan dan modal. Krisis modal ini, bagaimanapun tidak akan mempengaruhi pelaburan asing di Vietnam disebabkan oleh dua faktor²⁸, pertama, dari negara-negara Asia Timur, sebahagian besar modal yang melabur di Vietnam sedang menikmati lebihan dalam dagangan, membekalkan satu sumber yang penting bagi pelaburan selanjutnya dan kedua, terdapat permintaan yang semakin meningkat untuk memindah kilang yang berintensif buruh tinggi dari negara-negara jiran yang mengalami peningkatan kos tenaga buruh, kos pengeluaran dan juga penambahan nilai Japun Yen.

3.5 Penentu-penentu Persaingan Dari Aspek Penawaran

Selain daripada polisi buka pintu dan undang-undang pelaburan asing yang liberal, pengkaji juga mengkaji penentu-penentu persaingan dari aspek penawaran, iaitu tenaga buruh, pembangunan infrastruktur dan sektor kewangan. Kajian ini penting dan merupakan faktor-faktor tarikan pelaburan asing di Vietnam.

3.5.1 Tenaga Buruh

Pembangunan ekonomi dan perindustrian bergantung kepada kesediaan tenaga buruh untuk operasi ekonomi. Strategi ini memerlukan upah yang rendah secara relatif, kenaikan yang perlahan dalam upah, disiplin,

kemahiran yang minima dan juga boleh diajar dan dilatih. Vietnam boleh dianggap telah membekal kesemuanya kecuali, seperti yang diulaskan di bawah, iaitu terdapatnya masalah yang semakin bertambah mengenai disiplin dan kemahiran.

Kos tenaga buruh di Vietnam sangat kompetitif. Ini boleh digambarkan dalam Jadual 3.6 di bawah, didapati jeda upah bagi buruh yang tidak mahir di Vietnam ialah US\$1.15-1.22 sehari, adalah lebih rendah daripada China, 2.05-5.18 sehari. Terdapat jenaka yang berkata,

“The procedures licensing is an ordeal. Without the astonishing competence found in workers, perhaps many investors would recoil.”²⁹

Ciri-ciri situasi buruh di Vietnam³⁰ pada keseluruhannya adalah sama dengan negara-negara sedang membangun yang lain, di mana sektor pertanian menyerap sebahagian besar tenaga kerja. Di Vietnam, lebih daripada 70% tenaga kerja diupah di dalam sektor pertanian dan hanya 13% bekerja di sektor industri. Selain itu, tenaga buruh tertumpu di kawasan rural, meliputi 75% dari jumlah tenaga kerja. Produktiviti buruh dan purata pendapatan juga sangat rendah dan tidak ramai yang menerima latihan teknikal. Ciri yang lain ialah lebih daripada 95% bagi perkerja yang yang bergaji diupah oleh birokratik kerajaan atau syarikat milik negara.

Di Vietnam, sektor pertanian yang menyerap paling banyak tenaga kerja, tetapi peratusannya semakin mengurang berikut dengan pembangunan perindustrian yang kian meningkat. Dalam sektor perindustrian,

Jadual 3.6: Perbandingan Upah Dengan Beberapa Negara-negara Sedang Membangun (1994)

Negara	Jumlah tenaga buruh (juta)	Kadar pengangguran (%)	Minima upah bagi buruh tidak mahir US\$/hari	Jeda upah bagi buruh tidak mahir US\$/hari	Jeda upah bagi buruh yang mahir US\$/hari	Jeda upah bagi buruh teknikal US\$/bulan	Jeda upah bagi pengurus/Jurutera US\$/bulan
China	723	2.3	n/a	2.05-5.18	4.03	n/a	n/a
Malaysia	7.4	2.8	n/a	5.20-8.08	12.86	321	780-1150
Negara Thai	36.8	4.4	5.22	9.05	15.72	274-630	730-964
Filipina	26.8	9.7	4.00	4.00	7.00	237	625
Indonesia	54.3	8.0	0.60-2.62	2.00-2.87	5.98	215	359
Vietnam	34.4	10.0	0.70	1.15-1.22	2.60-6.6	55-150	200-300

Sumber: Temubual, pelbagai pejabat dan terbitan swasta. Kadar upah diatas merujuk kepada sektor perkilangan ringan sahaja; upah di China ialah didapati dalam Spesial Zon Ekonomi.

* Upah minima bukan merupakan kadar rasmi yang ditetapkan oleh kerajaan

terdapat kenaikan yang besar selepas renovasi Doi Moi dijalankan, iaitu lebih 90% berbanding tahun 1965. (Sila lihat Jadual 3.7)

Kemahiran tenaga buruh di Vietnam secara umumnya dapat dipertahan dengan rekodnya dalam pembangunan manusia. Ini memberi satu dasar yang kukuh kepada pembangunan perindustrian iaitu mempunyai satu tenaga buruh yang boleh dilatih, golongan literasi yang tinggi dan ada kefahaman asas tentang sains dan matematik untuk mengurus teknologi yang moden.

Namun begitu, nampaknya terdapat ketidakcocokan antara kemahiran yang dilatih di sekolah dan institusi berbeza dengan keperluan industri. Perhubungan antara institusi melatih dan industri adalah lemah. Akibatnya, pelajar yang menjalani latihan tidak dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh pemilik kilang atau industri. Sistem melatih tidak fleksibel, tidak bertindak balas positif terhadap permintaan dari sektor industri dan teknologi. Kursus-kursus pada sebahagian besarnya masih tidak berubah selama beberapa tahun. Kebanyakan pengajar tidak berkeupayaan dalam disiplin yang diperlukan dan mempunyai pengalaman industri yang terhad. Fasiliti-fasiliti bagi program yang baru kadang-kalanya tidak digunakan atau tidak diguna secara maksimanya kerana kekurangan pengajar yang padan. Kemudahan-kemudahan sering kali tidak berkaitan dan usang. Syarikat-syarikat dan kilang-kilang terdapat kecenderungan untuk mengambil orang “mentah” daripada tenaga buruh yang mahir, dan mereka akan membekalkan latihan semasa berkerja kepada orang yang baru diupah tersebut.

Jadual 3.7: Struktur Tenaga Kerja Dalam Sektor (Peratusan)

Alokasi tenaga kerja(%)	1965	1985-88	1990	1995	2000
Pertanian	79.0	67.5	72.3	71	60
Perindustrian	6.0	11.8	13.9	14	18.9
Perkhidmatan	15.0	20.7	13.8	15	21.1

Sumber: Institut Pembangunan dan Strategi MPI, Saigon Times, Disember 9-15,1995

Trend pembangunan ekonomi di Vietnam menampakkan persaingan yang sihat dalam sektor perniagaan dan perindustrian, tetapi persaingan yang tidak sihat dalam pasaran tenaga kerja kerana kekurangan tenaga buruh yang mahir. Dalam keadaan Vietnam, dilema ini menjadi semakin susah diselesaikan kerana kos untuk “memelihara” buruh yang mempunyai kemahiran semakin meningkat manakala pasaran bagi tenaga buruh hanya mengalami pertumbuhan secara marginal.

MOLISA (*Ministry of Labour, Invalids and Social Affairs*) yang lebih memahami kesulitan ini tidak dapat berbuat apa-apa kerana mereka mempunyai masalah-masalah yang lebih merunsingkan seperti, imigrasi rural ke bandar, situasi “brain drain” di sektor enterprise milik negara, pembubaran lebih 70% syarikat milik negara atau koperasi dan pemulangan beribu-ribu orang Vietnam dari luar negeri telah menambah bilangan penganggur. Oleh itu, pegawai MOLISA telah tepu dengan masalah sehingga mereka tidak mempunyai masa untuk berurusan dengan masalah lain yang semakin menekan iaitu melatih tenaga buruhnya. Secara rasmi, kadar pengangguran negara ini hanya 6.2% pada Julai 1996. Pegawai buruh mengakui bahawa adalah susah untuk menentukan kadar pengangguran di Vietnam dengan tepat kerana ramai penduduk di sini mempunyai kerja yang kedua (yang selalunya merupakan pendapatan asas) dan tidak mempunyai proses pendaftaran yang rasmi bagi penganggur.

Pelabur-pelabur asing mempunyai senarai masalah yang berkaitan dengan tenaga buruh di dalam operasi mereka, antaranya ialah semakin meningkat kos membuat perdagangan dan pelaburan di sini. Upah

minimal bulanan telah bertambah ke US\$45 sebulan pada Julai 1996. Peningkatan US\$10 ini sememangnya tidak mempengaruhi kebanyakan syarikat pelabur asing, kerana diantara mereka ada yang telah membayar pada purata US\$50 sebulan. Bagaimanapun, pelabur-pelabur bimbang kenaikan ini akan mencetuskan tekanan untuk kenaikan upah di seluruh negara. Selain ini, kenaikan ini dikatakan terlalu terburu-buru oleh sesetengah konsultan, meramandangkan jangka masa bagi upah minimum terdahulu hanya lima tahun, iaitu naik lebih kurang 30% dalam tempoh lima tahun. Sekiranya MOLISA terus mengikut haluan ini, kos tenaga buruh akan semakin menaik dan tidak membawa faedah kepada industri-industri yang berintensif buruh dan masih baru di Vietnam.³¹

Daripada Jadual 3.8 di atas menunjukkan peratusan tenaga kerja yang berkemahiran ialah 13.3% daripada jumlah tenaga kerja. Ia merupakan satu angka yang memang membimbangkan. Mengikut pengurusan EPZ-EPZ, kadar bagi calon yang berkelayakkan dengan tugasnya ialah 1 kepada 30.³² Seorang eksekutif di Persatuan Sekerja dalam sesebuah EPZ berkata:-

“Anxiety is reasonable because even though the production equipment here is not state-of-the-art, most of our workers are not qualified to use it.”³³

Bagaimanapun, sesetengah pelabur percaya pekerja Vietnam berkemampuan untuk belajar tahap teknologi yang tinggi serta akan menjadi pekerja yang mahir sekiranya mereka dilatih dengan baik. Encik Ta Minh

Jadual 3.8: Analisis Tenaga Kerja Di Vietnam

Orang x 1000	1995	2000
Jumlah tenaga kerja yang berkemahiran	4700	7200
Peringkat Universiti	759	1100
Peringkat Vokasional dan sekolah menengah	1240	1900
Peringkat Teknikal	2769	4200
Peratusan tenaga kerja yang berkemahiran dalam jumlah tenaga kerja	13.3%	17.2%

Sumber: **Vietnam Economic Times**, Julai 1996, hlm.24

Quoc, pengurus bagi Jabatan Perkhidmatan Tenaga Buruh di Tan Thuan EPZ

berkata:-

“Many investors have stated frankly, Vietnamese workers are not highly skilled but they have potential. There is no distances between them and workers in neighboring countries if well-trained, Vietnamese workers are a significant factor to attract investment.”³⁴

Masalah yang paling rumit bagi pelabur-pelabur asing ialah kurangnya pengurus di peringkat pertengahan yang layak, pakar teknikal dan profesional seperti akauntan dan mereka yang mempunyai ijazah MBA (*Master of Business Administration*). Keadaan ini menjadi semakin runcing di mana lebih ramai pengurus tenaga pakar datang memenuhi jurang ini dan telah secara tidak langsung menaikkan kos. Mobilisasi kakitangan antara syarikat-syarikat sangat pesat terutama di Bandaraya Ho Chi Minh di mana pejabat perwakilan dan syarikat usahasama dan syarikat asing terletak. Terdapat periklanan harian dalam bahasa Inggeris dalam suratkhabar tempatan untuk mencari akauntan yang terlatih dan pengawal kewangan yang berpengalaman. Pengalaman seperti “*if you can tell businessman how to keep their staff from getting swiped, let them know*”³⁵ sangat berharga di antara pelabur-pelabur asing.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh *Vietnam Today*, masalah-masalah yang dihadapi dalam mengambil dan mengupah tenaga kerja di Vietnam yang antaranya yang paling meruncingkan pelabur-pelabur asing ialah kekurangan kelayakan (69%), masalah bahasa (67%) dan inflasi gaji

(52%) dalam Jadual 3.9. Kajian itu adalah berdasarkan soalselidik yang dijawab oleh pelabur-pelabur asing di Vietnam.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.10, bagi jawatan pertengahan, syarikat-syarikat asing yang mengakui masalah itu telah bertambah dari 23% (Akauntan), 16%(Jurujual yang layak) dan 16%(esekutif dan setiausaha) pada tahun 1994 ke 24%, 30% dan 22% masing-masing pada tahun 1995.

Jika dikaji dengan lebih terperinci, pengurus pertengahan dan tinggi di Vietnam telah disisih dari pasaran mereka sendiri oleh sistem pencukaian. Bayaran cukai yang mahal tidak mampu atau tidak rela dibayar oleh sesetengah syarikat kepada kakitangan tempatan. Kadar cukai bagi seorang Vietnam yang berupah tinggi adalah begitu tinggi di mana ia akan menjadi lebih murah jika mengupah seorang “*expatriate*” yang layak untuk melakukan kerja yang sama. Adrienne Bonunick dari Bonuick & Associations berkata:-

*“A lot of senior Vietnamese are going to miss out on good career steps because they have too expensive.”*³⁶

Kedua-dua ini boleh dilihat dari perbandingan antara kadar cukai pendapatan bagi warganegara Vietnam dengan kadar cukai pendapatan bagi expatriate di Vietnam. (Sila lihat Jadual 3.11 dan 3.12)

Selain daripada masalah yang telah dibincangkan di atas, terdapat beberapa masalah yang serius dalam hubungan buruh. Kejinakan tenaga kerja yang tradisional telah berubah pada dua tahun kebelakangan ini dengan lebih banyak pemogokan dan kerusuhan.

Jadual 3.9: Masalah Yang Dihadapi Dalam Mengambil Dan Mengupah Tenaga Kerja

Masalah	Peratusan syarikat yang mengakui masalah ini (%)	
	1994	1995
Kekurangan kelayakan yang tersedia di pasaran	55	69
Masalah bahasa (semakin sukar mendapat kakitangan yang fasih dalam Bahasa Inggeris)	52	67
Red-tape pentadbiran	32	30
Masalah yang berkaitan dengan keselamatan	25	
- Pemeriksaan polis (membawa kelewatan dan rasuah)	n.a	28
- Pengambilan dan merelokasi antara provinsi	n.a	28
Masalah yang berkaitan dengan budaya	23	
- Sikap yang kurang motivasi atau persaingan	n.a	13
- Perbezaan dalam mentaliti dan/atau ideologi	n.a	17
- Kekurangan arah kerjaya	n.a	24
Tekanan pasaran	16	
- Inflasi gaji	n.a	52
- Lompat kerja	n.a	26
Ketidakcukupan antara penawaran dan permintaan	15	39
- Expektasi tidak realistik dari calon		
- Ketidakcekan dan mahalnya perkhidmatan agensi buruh kerajaan		
- Latarbelakang pendidikan yang tidak seragam		
- Had-had yang ditetapkan oleh kementerian perdagangan		

Sumber: *Vietnam Today*, Jun, 1996, hlm. 31.

Jadual 3.10: Kerja Dan Kemahiran Yang Paling Berkurang Di Vietnam

Kerja dan kemahiran	Peratusan syarikat-syarikat asing yang mengakui masalah ini	
	1994	1995
Pengurus operasi (kedudukan lebih kanan, dengan kelayakan, kemahiran pengurusan dan kepimpinan)	39	20
Pakar (dalam pelbagai bidang, iaitu pengurus bank, pengurus hotel, pakar sains dan lain-lain pada peringkat taraf antarabangsa)	35	17
Akauntan yang berpengalaman dan eksekutif kewangan	23	24
Jurujual yang layak (dengan kemahiran dalam pemasaran dan strategi pemasaran)	16	30
Eksekutif dan setiausaha yang berkelayakkan (dengan kemahiran dalam bahasa dan pengetahuan komputer)	16	22
Kemahiran perdagangan, (perancangan perdagangan, penyelesaian masalah, organisasi, komunikasi dan lain-lain lagi)	13	15
Pakar komputer dan kemahiran komputer	10	13
Juruteknik dan jurutera yang berperingkat tinggi	10	15
Kakitangan yang berpengalaman dalam sumber manusia, pembelian dan perhubungan awam.	0	11
Penyelia dan formen yang berpengalaman	0	7
Kedudukan yang rendah (tukang masak, pemandu)	0	6

Sumber: Vietnam Today, Jun 1996, 31.

**Jadual 3.11: Cukai Pendapatan Bagi Warganegara Vietnam
(Unit: 1,000 VND)**

Purata Pendapatan Bulanan		Kadar Cukai (%)	Cukai Yang Perlu Dibayar
1.	Sehingga 1,200	0	0%
2. Lebih 1,200	Sehingga 2,000	10	TNCT x 10%
3. Lebih 2,000	Sehingga 3,000	20	TNCT x 20%
4. Lebih 3,000	Sehingga 4,000	30	TNCT x 30%
5. Lebih 4,000	Sehingga 6,000	40	TNCT x 40%
6. Lebih 6,000	Sehingga 8,000	50	TNCT x 50%
7. Lebih 8,000	Sehingga 2,000	60	TNCT x 60%

TNCT= pendapatan yang dicukai x= Kali dengan kadar cukai

Nota: Selepas membayar cukai pendapatan seperti di atas, pekerja Vietnam mesti membayar 30% cukai lagi ke atas semua gaji bersih jika melebihi 5 juta dong sebulan

Sumber: **Vietnam Economic Times**, Julai 1996, hlm.22.

**Jadual 3.12: Kadar Cukai Pendapatan Bagi Tenaga Pakar Di Vietnam
(Unit: 1,000 VND)**

Purata pendapatan bulanan	Kadar cukai (%)	Cukai yang perlu dibayar
1.....	Sehingga 5,000	0 0%
2. Melebihi 5,000	Sehingga 5,000	10 TNCT x 10%
3. Melebihi 12,000	Sehingga 5,000	20 TNCT x 20%
4. Melebihi 30,000	Sehingga 5,000	30 TNCT x 30%
5. Melebihi 50,000	Sehingga 5,000	40 TNCT x 40%
6. Melebihi 70,000	Sehingga 5,000	50 TNCT x 50%
TNCT= pendapatan yang dicukai		x= Kali dengan kadar cukai

Vietnam Economic Times, Julai 1996, hlm. 23.

Kerajaan Vietnam telah meluluskaan satu kod buruh untuk memperkuatkan hak-hak pekerja dengan mewujudkan Persatuan Sekerja supaya boleh tawar-menawar untuk mendapat syarat-syarat dan keadaan-keadaan yang lebih baik. Pada prinsipnya ini boleh diterima, tetapi ini akan menimbulkan masalah jika ia meningkat ketegasan dankekakuan dalam pasaran buruh terutama dalam sektor perkilangan, di mana susah bagi mereka untuk mendapat buruh dari pasaran buruh yang tidak formal atau dari bukan ahli Persatuan Sekerja.

Ramai pelabur asing amat bimbang akan kesannya ke atas hubungan buruh dan produktivitinya. Tekanan-tekanan yang perlu dihadapi oleh kerajaan ialah untuk meningkat pasaran buruh supaya lebih berfungsi, hak yang sah kepada majikan dan pekerja perlu dijamin dan kerajaan perlu melatih tenaga kerjanya dengan lebih bersungguh-sungguh. Kerajaan perlu meningkat imej dalam hal-hal yang disebutkan di atas untuk menarik lebih banyak pelaburan asing.

Dr. Nguyen Le Minh, Pemangku Pengurus dalam Program Nasional di MOLISA berkata, “*we are a Socialist country... we have to help them survive.*”³⁷ Ucapan sedemikian kadang-kala menakutkan pelabur-pelabur asing memandangkan Vietnam telah mengalami beberapa pemogokan di syarikat usahasama dan syarikat asing pada tahun-tahun kebelakangan ini. Terdapat lebih kurang satu dozen kes pemogokan berlaku pada suku pertama 1994. Pemogokan-pemogokan ini berlaku disebabkan oleh upah yang rendah, kerja lebih masa yang wajib dan di sesetengah kes, perlakuan kasar dari pengurus asing.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan tenaga kerja di Vietnam masih memuaskan biarpun terdapat ramai pekerja yang masih menganggur. Pada pandangan pelabur asing, tenaga kerja Vietnam berpotensi tinggi tetapi sukar dikawal pada keseluruhannya. Rusuhan-rusuhan semakin bertambah di Vietnam. Dalam media massa Vietnam, pelabur-pelabur asing yang dipersalahkan dan digelar sebagai pengeksploit kapitalis. Tidak dapat dinafikan memang ada pelabur-pelabur asing yang mengeksploit tenaga kerja Vietnam dengan keterlaluan, tetapi lebih banyak kes ialah berkait dengan “*internal affairs*”, seperti ada pekerja yang terlibat dalam kecurian, penyelewengan, malas, tidak berdisplin dan sebagainya. Persatuan Sekerja yang mempunyai kuasa yang besar dalam negara Vietnam merumitkan lagi keadaan di mana persatuan ini hanya mementingkan kepentingan pekerja-pekerjanya dengan tidak meneliti hal yang sebenar. Walaupun mereka tahu pihak pekerja yang bersalah, namun mereka akan membuat tidak tahu dan mencari sebab-sebab untuk mengutuk pihak majikan, iaitu pelabur-pelabur asing.³⁸

3.5.2 Pembangunan Infrastruktur

Para pelabur dan pihak kerajaan mengakui “*something must be done*” dalam meningkatkan kemudahan-kemudahan infrastruktur di Vietnam. Tugas kerajaan Vietnam ialah membetulkan dan mengindustrikan apa yang lemah pada masa sekarang, tetapi ini tidak boleh dicapai tanpa satu komitmen yang lengkap bagi mempertingkatkan infrastruktur negara. Keutamaan infrastruktur itu sukar ditentukan. Lantaran itu, tanpa satu sistem jalanraya

yang baik, kecekapan dalam industri perkilangan dan pengagihan barang akan mengalami kerosakan dengan seriousnya. Jadi kerajaan patut mengutamakan sektor pengangkutan; tetapi tanpa satu sumber tenaga elektrik yang boleh dipercayai, kilang-kilang juga tidak boleh berfungsi dengan cekap dan lain-lain lagi. Persoalan-persoalan dan masalah-masalah mengenai infrastruktur di Vietnam terlalu banyak, dan memang tidak mempunyai satu penyelesaian yang mudah. Memodenkan sistem penawaran air, pelebaran jalan raya, mempertingkatkan fasiliti pelabuhan, lapangan terbang dan jambatan; pembinaan EPZ dan IZ; penawaran tenaga lektrik yang cukup, kesemua itu memerlukan perhatian yang sewajarnya.

Walaupun EPZ dan IZ di Vietnam mempunyai kelebihan dari segi kos utiliti dan tenaga buruh, masalah-masalah kecekapan pengangkutan telah menghalang peningkatan dalam penghunian dalam lokasi-lokasinya. Satu rangkaian pengangkutan yang cekap amat diperlukan bagi pembangunan sektor eksport. Aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan pengurusan dan pergerakan dan pengagihan bahan-bahan mentah dan barang siap adalah sumbangan kos yang utama bagi pelabur-pelabur.

Di Vietnam, kos logistik adalah tinggi. Kualiti perkhidmatan pengangkutan adalah berkaitan langsung dengan lokasi syarikat yang terlibat. Syarikat-syarikat di luar Bandaraya Ho Chi Minh secara umumnya terdapat masalah dalam penjadualan perkapalan muatan dan menghadapi penundaan dalam penerimaan barang. Bila masa transit telah bertambah, kos pengeluaran juga naik mengikutinya; lantaran kelemahan dalam perkhidmatan

pengangkutan tempatan ini akan merintang dan menyekat persaingan di arena antarabangsa. Wakil World Bank di Vietnam, Bradley Babson menyatakan:

*".... you need the appropriate infrastructure to create an attractive environment for Foreign Direct Investment."*³⁹

3.5.2.1 Jalan Raya

Vietnam mempunyai jalanraya sepanjang 150,000 km, di mana 13,633 km merupakan lebuhraya nasional dan 17,205 km adalah jalan di peringkat provinsi. Selain daripada itu terdapat jalan-jalan kecil dalam provinsi, daerah dan kampung. Densiti jalan di Vietnam ialah 16.16 km per 100 km persegi, dan juga 0.73 km/1,000 penduduk berbanding dengan purata dunia 11.8 km/100 km persegi dan 2.3 km/1,000 penduduk. Densiti lebuhraya nasional ialah 4.1 km/100 km persegi dan 0.19 km/1,000 penduduk. Ini menunjukkan densiti jalanraya di Vietnam tidak memenuhi permintaan pengangkutan negara.⁴⁰

Jalanraya di Vietnam hanya mengendali 65-80% daripada pengangkutan dagangan dan penumpang setahun. Menurut satu projek oleh Scott Wilson Kirkpatrick Consulting, kadar pertumbuhan purata bagi pengangkutan jalan raya ialah⁴¹ lori meliputi 7%/tahun, bas dan kereta meliputi 8%/tahun dan motosikal meliputi 17%/tahun.

Mengikut statistik Jabatan Pengangkutan, hanya 13.1% daripada jumlah jalan raya telah bertar. Malahan bagi sistem Lebuhraya nasional hanya 59.4% telah bertar dan 14.13% jalan-jalan dalam provinsi dan daerah bertar. 30% dari lebuhraya nasional mempunyai kelebaran melebihi 2

lorong. Kebanyakan jalan laluan yang penting mempunyai kapasiti muatan yang hanya memenuhi 40-60% permintaan jumlah trafik.

Halangan utama dalam pembangunan pengangkutan darat ialah tingginya kos pembinaan jalanraya dan kurang kewangan dalam penyenggaraan sistem lebuhraya. Akibatnya masa transit memakan masa yang lebih lama. Selain jalanraya, sistem jalan keretapi juga ketinggalan zaman dan tidak mampu mengendali kargo kontainer tidak cekap dalam penyelarasannya antara pelbagai pihak berkuasa nasional dan tempatan mengenai isu-isu pengangkutan dan rancangan-rancangan pembangunan, yang telah menjejaskan kecekapan pengangkutan daratan di Vietnam.

Sektor eksport tidak dapat berkembang selaras dengan permintaan perkhidmatan pengangkutan. Tekanan ke atas kerajaan semakin meningkat mendesak supaya melabur ke dalam pembinaan rangkaian jalanraya. Sekiranya firma-firma mesti berpindah lokasi operasinya ke kawasan yang lebih berdekatan dengan pelabuhan, maka kawasan pendalamam akan menjadi lebih mundur. Perkembangan semakin pesat di sepanjang pantai mengakibatkan jurang perbezaan antara wilayah semakin lebar.

3.5.2.2 Kargo Lautan

Vietnam mempunyai 3,260km sisir pantai dari Utara ke Selatan yang berhampiran dengan jalan laluan antarabangsa dari Asia Timur ke Asia Tenggara. Bagaimanapun, kesemua pelabuhan ini telah lama berbanding dengan pelabuhan-pelabuhan lain di rantau ini.

Terdapat 60 buah pelabuhan dengan saiz yang berbeza-beza sepanjang pantai Vietnam. Pelabuhan Haiphong dan Quang Ninh merupakan terbesar di Utara, pelabuhan Saigon dan Vung Tau di Selatan dan pelabuhan Danang di tengah. Pada tahun 1995, 35 juta ton kargo dagangan telah diangkut dan transit melalui pelabuhan-pelabuhan tersebut, satu peningkatan daripada 18 juta ton pada tahun 1990.⁴²

Fasiliti-fasiliti pelabuhan di Vietnam, seperti dermaga, sistem pengendalian kargo, penggudangan, jalan dalam halaman pelabuhan, adalah dalam keadaan yang serba kurang dan telah berkali-kali dikritik oleh syarikat-syarikat asing dan tempatan.

Tarif pelabuhan adalah sangat kompetitif berbanding dengan negara-negara serantau, malah kadar struktur adalah kompleks dan menimbulkan penyalahgunaan, pekerja-pekerja meminta wang atau rasuah untuk perkhidmatan yang lebih cepat untuk mengangkut kargo, merupakan perkara biasa. Secara langsung ini akan menambah kos-kos yang sembunyi ke dalam bayaran rasmi.

Kerajaan Vietnam telah mengenalpasti beberapa buah pelabuhan untuk membangun dan mempertingkatkan kecekapannya. Oleh kerana kekurangan modal, kerajaan tidak mampu membangunkan pelabuhan-pelabuhan tersebut. Pelaburan yang diperlukan amat besar. Selain daripada itu,

“The government has a policy not to invest in the projects itself but call for foreign investment and ODA loans”,

kata Nguyen Manh Ung, Timbalan Pengurus bagi Syarikat Wacose.⁴³ Oleh itu hampir semua pelabuhan di Vietnam membuka pintu kepada pelaburan asing.

Pelabur-pelabur asing digalakkan mengambil bahagian dalam pembinaan pelabuhan, mempertingkatkan fasiliti, jalanraya dan industri-industri sokongan dan pemindahan teknologi.

Pada masa kini, ADB dan kerajaan Jepun sedang menolong Vietnam dengan membangun tiga buah pelabuhan komersil iaitu Haiphong, Cai Lan dan Saigon.⁴⁴

Projek untuk membangun pelabuhan Sao Mai-Ben Dinh, kompleks di Vung Tau memakan belanja yang sebanyak US\$637 juta, telah dibangunkan oleh satu konsortium yang melibatkan pelabur Taiwan, Malaysia dan Singapura di bawah B.O.T. di mana ia akan mempunyai kapasiti 2.4 juta kesamaan unit (*equivalency unit, tcu*) bagi 20 kaki kontainer pada tahun 2000.⁴⁵

Di Vietnam tengah, beberapa pelabuhan komersil dan khusus akan dibangunkan untuk membolehkan kapal-kapal yang mempunyai berat 10,000 hingga 15,000 ton berlabuh. Pelabuhan-pelabuhan ini ialah Cuo Lo, Danang, Qui Nhon, Nha Trang, Cua Viet, Dung Quat, Vung Anh dan Chan May.⁴⁶

Kerajaan Laos dan Vietnam dengan bantuan ADB mempunyai rancangan untuk membangun pelabuhan di Cuo Viet dan Cung Anh, yang dapat berhubung terus dengan lebuhraya yang mengarah ke Laos dan Negara Thai. Pelabuhan-pelabuhan ini akan memberi perkhidmatan kepada Laos dan bahagian Utara Negara Thai.

3.5.2.3 Pengangkutan Udara

Terdapat tiga buah lapangan terbang antarabangsa di Vietnam iaitu Bandaraya Ho Chi Minh, Hanoi dan Danang. Pada masa kini, kemudahan-kemudahan tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang semakin meningkat. Kerajaan telah mengadakan rancangan untuk membangunkan ketiga-tiga lapangan terbang tersebut di samping lapangan terbang yang lain, tetapi usaha sering tersekat kerana kekurangan modal.

3.5.2.4 Infrastruktur Utiliti Dan Perkhidmatan

Vietnam menggalakkan sektor swasta terlibat dalam membekalkan infrastruktur utiliti dan perkhidmatan asas. Bagaimanapun kemajuan sangat perlahan, dan banyak pelaburan yang sedia ada belum dilaksanakan atau berhasil.

Kadar utiliti pada umumnya kompetitif jika berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini. Masalah-masalah lebih tertumpu kepada operasi perdagangan, pengeksportan secara khusus, di mana banyak bergantung kepada perkhidmatan yang diberi samada boleh dipercayai atau tidak; seperti putus bekalan letrik yang kerap berlaku, talian talifon yang tidak mencukupi, pembentungan yang tidak sesuai, dan perkhidmatan sampah sarap yang tidak memadai.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.13, kadar letrik bagi industri masih boleh dianggap kompetitif. Bagaimanapun, sistem letrik di

Jadual 3.13: Perbandingan Kos Perkhidmatan Utiliti, 1994

	Kurang sibuk Kadar bagi industri (US\$/kwh)	Kadar air bagi industri (US\$/m3)	Kadar telefon (US\$/min bagi panggilan ke USA)
Indonesia	0.044-0.076	0.92-1.21	2.21
Malaysia	0.027-0.062	0.46-0.69	1.92
Negara Thai	0.004-0.12	0.20-0.44	2.40
Taiwan	0.08	0.4	1.59
Vietnam	0.085	0.45	3.00

Sumber: Vietnam Economic Times, Julai 1996, hlm. 28.

Vietnam tidak boleh dipercayai. Putus bekalan kuasa, turun naik voltage sering berlaku dan mempengaruhi kompetitifnya. Kadar air boleh dikira murah di Vietnam, tetapi masalahnya ialah tekanan sangat rendah menyebabkan alirannya sangat perlahan. Sistem paip juga ketinggalan zaman dan sangat sempit, tidak memadai permintaannya. Kadar bayaran telefon di Vietnam merupakan salah satu negara yang tertinggi di dunia.

Sistem penawaran kuasa letrik di Vietnam tidak berkesan, peralatan adalah kuno dan kurang penyelenggaraan, juruteknik-juruteknik tanpa latihan yang menyeluruh, dan pencurian elektrik berleluasa. Kerajaan Vietnam amat bercita-cita untuk menyelesaikan masalah itu dan mengalukan-alukan pelaburan asing ke dalam sektor ini.⁴⁷

Projek-projek spesifik termasuk kompleks Phu My thermal di mana akan menawarkan kapasiti 2000 MW bila ia dalam operasi penuh. Phu My 2 (fasa 1) telah mula pembinaanya pada April 1996, ia dibiayai sepenuhnya oleh World Bank. Apabila ia selesai, akan dapat menawar 300 MW. Fasa-fasa seterusnya sedang dibincangkan oleh parti-parti yang berminat dalam bentuk *Build-Operate-Transfer* (B.O.T) dan ODA dari negara Jepun. Projek-projek mega lain juga pesat dijalankan seperti loji jana kuasa Ba Ria, Danang Bac My Anh, dengan satu tujuan yang sama, mempertingkatkan penawaran kuasa letrik.

Penawaran air dan perkhidmatan pembentungan merupakan masalah yang rumit. Hanoi, Bandaraya Ho Chi Minh dan Danang popular dengan ketidakcukupan air dan tekanan air yang tidak stabil. Masalah itu lebih

menonjol di masa sibuk. Keadaan ini disebabkan sistem paip yang digunakan sekarang terlalu kecil dan tidak memadai dengan permintaanya.

Perkhidmatan telekomunikasi merupakan sangat mahal berbanding negara-negara lain. Kadar panggilan antarabangsa jauh lebih mahal daripada negara-negara Timur yang lain, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.13, didapati kod di Vietnam 20% lebih tinggi. Kos bagi satu panggilan dari Vietnam ke Amerika Syarikat (panggilan terus tanpa bantuan operator) ialah US\$3.10 pada minit pertama, dan setiap penambahan minit dikenakan US\$3.00.⁴⁸

Di Vietnam, pembangunan telekomunikasi berkembang dengan pesat sekali. Kerajaan Vietnam telah bercita-cita tinggi untuk membangunkan sektor ini. Di dalam Parti Kongres yang kelapan, ia menegaskan akan memastikan pada tahun 2000, enam daripada seratus orang di Vietnam akan mempunyai satu telefon.⁴⁹ Pada masa kini, terdapat 14 projek pelaburan asing dalam sektor telekomunikasi yang berjumlah US\$741 juta. Ini termasuk Bosch, NEC, Alcatel, Motorola dan lain-lain. Berbanding dengan sektor-sektor yang lain sedang memperlihatkan penurunan dalam pelaburan asing, sektor telekomunikasi di Vietnam sebaliknya menerima reaksi yang baik dari pelabur-pelabur asing. VNPT (*Vietnam Posts and Telecommunications*) telah mengumumkan pada tahun 1997 bahawa pada tiga tahun berikutnya ia akan menandatangani empat kontrak dalam ragam kontrak perdagangan koperasi dengan pelabur-pelabur asing dari Perancis, Jepun, Britain dan Australia. Walau bagaimanapun, sehingga kini, kontrak-kontrak itu masih dibincangkan dan maklumat-maklumat yang jelas belum diumumkan. Halangan-halangan

seperti persoalan bayaran, pengkongsian keuntungan, kadar pulangan, teknologi dan isu-isu penting lain tidak mudah diselesaikan. Walaupun kontrak-kontrak itu telah ditandatangani dengan VNPT, ia masih perlu mendapat kelulusan dari MPI dan pejabat Perdana Menteri.

Pembangunan infrastruktur di Vietnam menujukkan satu dilema *chicken-and-egg* di mana lebih daripada satu *chicken* dan lebih daripada satu *egg*. Kerajaan Vietnam mengharapkan dengan ketabahan yang ditunjukkan dalam pembangunan infrastruktur; infrastruktur yang telah dibangunkan akan menarik modal yang lain, dan kemajuan yang dihasilkan dari modal tersebut akan membekalkan lebih biayaan untuk lebih banyak projek infrastruktur. Tetapi teori ini tidak mudah dilaksanakan. Bantuan kewangan antarabangsa memainkan peranan yang penting dalam penyata akaun projek infrastruktur di Vietnam. Tetapi saku peminjam-peminjam atau penderma-penderma seperti World Bank, ADB bukan tiada batasannya. Peranan dan tanggungjawab bantuan kewangan antarabangsa itu sebahagian besarnya akan ditentukan oleh samada sistem pasaran bebas boleh diteruskan di Vietnam, setakat mana pihak Vietnam memahami bagaimana ODA itu beroperasi, dan kematangan sistem perundangan dan kehakiman.

Keperluan satu infrastruktur yang baik adalah dramatik, manakala memenuhi matlamat untuk mendapat pertumbuhan yang berlanjutan dan pinjaman yang diperlukan adalah sulit. Vietnam yang mengalami kestabilan politik akan mencapai juga objektif pada akhirnya. Persoalannya ialah mungkin ia akan mengambil masa yang lebih panjang daripada apa yang dijangkakan oleh kerajaan. Sebenarnya dalam mencapai matlamat strategi

pembangunan infrastruktur, hanya dua perkara yang penting dan memutuskan segala-galanya:- pertama, berapa kosnya dan kedua, siapakah yang akan membayarnya.

Seperti yang disebutkan di atas, bantuan kewangan antarabangsa mempunyai batasannya. Kerajaan Vietnam cuba menaruh harapan besar kepada pelaburan asing. Di dalam konteks ini, BOT dikenalpasti sebagai satu ragam pelaburan yang paling sesuai dalam pembangunan infrastruktur. Ngueyn Duc Kien, Timbalan Pengurus Pejabat Pengangkutan Daratan Vietnam berkata:

*[BOT] is the best form [of investment in the transport sector] for both parties [foreign and domestic].*⁵⁰

Dalam keadaan sebenarnya, ia tidak realistik. Da Quang Ta, Ketua Pegawai yang bertanggungjawab dalam pelebaran Lebuhraya 1 berkata dari pengalamannya,

*BOT is in fact extremely difficult to implement in the transport sector, ... It is very new to us, there is an inadequate regulatory framework, and the kind of toll payments required to attract a foreign partner are limited to very high density areas...*⁵¹

BOT bukan satu penyelesaian yang baik dalam pembangunan pengangkutan daratan, tetapi ia lebih realistik dalam sektor kuasa letrik, pengangkutan udara dan pelabuhan. Di samping itu, kemasukan pelaburan asing juga amat bergantung kepada polisi kerajaan mengenai adakah jangka masa yang lebih panjang diberikan untuk beroperasi. Seorang esekutif asing di Hanoi berkata:

*“Unless they unbend a little in their attitude to this new option, they won’t got the foreign cash they need.”*⁵²

Bantuan kewangan antarabangsa dan pelabur asing juga menghadapai masalah dengan pampasan kepada penghuni yang menduduki tempat yang hendak digunakan dalam projek, terutama dalam projek mempertingkat mutu jalanraya. Kerajaan pusat bukan badan yang tunggal bertanggungjawab dalam isu ganti rugi. Pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa yang sangat besar, menambahkan kesulitan dan kompleksnya masalah gantirugi tersebut.

Tidak dapat dinafikan Vietnam masih merupakan negara yang berisiko tinggi bagi pelaburan asing dalam sektor infrastruktur kerana modal yang terlibat amatlah besar. Jadi bantuan kewangan antarabangsa merupakan tulang belakang dalam pembiayaan projek infrastruktur, terutama dalam projek yang bukan komersial terutamanya di kawasan rural, pancaran dan pengagihan kuasa.

Pada pandangan pengkaji, walaupun modal merupakan isu yang penting dalam pembangunan infrastruktur, namun begitu tindakan kerajaan memainkan peranan yang lebih penting. Ia merupakan dasar bagi kemasukan biayaan dan pembangunan projek-projek infrastruktur selanjutnya. Ini bermakna projek-projek yang mempunyai peluang dilaksanakan mesti diimplementasikan tanpa kelewatan, tidak seperti apa yang sering berlaku, di mana “*red tape*” terlalu banyak.

3.6 Sektor Kewangan

Pada tahun 1988, Vietnam mula mengembangkan satu sistem perbankan yang mempunyai serampang dua mata. Tujuan utama ialah menjadikan ia satu alat untuk memisahkan tanggungjawab dan tugas Bank Pusat dari enterprise dan aktiviti pembiayai kewangan perdagangan. Bon-bon mula dikeluarkan. Pada tahun 1989 pula, dengan berdepan dengan inflasi yang tinggi (kadar inflasi mencapai 411% pada tahun 1988) akibat dari renovasi, kerajaan Vietnam telah menarik balik kawalan harga, menetapkan kadar bunga ke atas deposit atas kadar inflasi dan atas kadar pinjaman, dan menginstitusikan kawalan yang lebih ketat ke atas pinjaman kewangan kepada syarikat-syarikat milik negara.

Seperti yang sering berlaku pada ekonomi yang sedang membangun, kos yang tinggi dan pinjaman yang terhad merupakan halangan utama dalam pembangunan ekonomi dan perindustrian di Vietnam.

Sejajar dengan Doi Moi, sistem kewangan telah mengalami beberapa reformasi. Bahagian ini akan membincangkan beberapa perubahan penting yang telah dijalankan dalam sistem kewangan di Vietnam. Ini termasuk perubahan di mana bank-bank yang membiayai operasi mereka; peraturan bebas ke atas kadar bunga secara perlahan-lahan; dan penarikan sumber kewangan dari sektor swasta. Walaupun langkah-langkah yang lebih terbuka dan berkesan telah dilaksanakan supaya sistem kewangan berfungsi dengan lebih cekap, tetapi masih terdapat isu-isu lain yang perlu diambil perhatian oleh kerajaan Vietnam untuk memaju dan meningkatkan kecekapannya dalam sistem kewangan. Isu-isu tersebut termasuklah

meminjamkan wang kepada syarikat milik negara dan hutang lapuk, sistem cagaran yang kompleks, dan penubuhan satu pasaran saham di Vietnam.

Dengan pengenalan struktur tersebut, bank-bank tempatan, bank-bank asing dan institusi kewangan telah dibenarkan untuk beroperasi di Vietnam. Sistem perbankan sekarang mempunyai satu struktur yang berbagai-bagai jenis seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.14 di bawah.

3.6.1 Bank Kerajaan (*State Bank of Vietnam, SBV*)

SBV merupakan bank pusat Vietnam. Ia formulakan polisi-polisi reformasi dan pembangunan ekonomi, dan ia juga bertanggungjawab bagi reformasi kewangan dan campur tangan kerajaan. Ia juga boleh menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah autoritinya.

Ia adalah agensi tunggal yang berkuasa untuk mengeluarkan dan mengedarkan matawang Vietnam, Dong (VND). Ia juga mengendalikan pertukaran matawang asing, memutus dan menentukan kadar pertukaran matawang, serta berurus dengan pertukaran matawang asing di pasaran antarabangsa. Selain itu, ia juga mempunyai hak dan kuasa untuk mengeluarkan peraturan, pengumuman, lesen dan garis panduan bagi mengawal aktiviti bank-bank komersial dan insitusi kewangan di Vietnam.

3.6.2 Bank Komersial Milik Negara

Terdapat empat buah bank komersial milik negara, iaitu *Vietnam for Foreign Trade Bank (Vietcombank)*, *Vietnam Investmant and*

Jadual 3.14: Jenis Bank Di Vietnam

Jenis	Jumlah
Komersial Bank Milik Negara	4
Bank-bank Asing	19
Bank Usahasama	4
Pejabat Perwakilan	67
Bank Usahasama Saham	45
Kredit Koperasi	69

Sumber: **Vietnam Economic News**, Disember, 1996

Development Bank (VID Bank), Industrial and Commercial Bank of Vietnam (ICBV) dan Agricultural Bank (ABV). Bank-bank tersebut meliputi 87% daripada operasi bank komersial di Vietnam pada tahun 1994. Setiap bank komersial milik negara ini bertanggungjawab memberi perkhidmatan dalam sektor yang berbeza memenuhi permintaan kewangan. Umpamanya, Vietcombank beroperasi sebagai pembiayaan perdagangan bagi seluruh negara. Tanggungjawab asasnya ialah untuk mengendali urusan perdagangan luar dan, ia mempunyai pakar-pakar dalam perdagangan matawang asing dan perhubungan kewangan dengan lebih daripada 700 bank di 85 buah negara. Sementara itu Bank ABV memberi perkhidmatan kredit dan bantuan kewangan yang lain kepada petani-petani luar bandar dan syarikat luar bandar. Ia juga mengambil bahagian dalam pembangunan projek rural dengan memberi sokongan kewangan dan sebagainya.

3.6.3 Bank Usahasama Saham

Bank Usahasama Saham merupakan institusi komersial kewangan di mana pertubuhannya di antara syarikat milik negara dan syarikat swasta, atau antara semua sektor swasta. Skop perkhidmatan, selain dihadkan kepada menerima deposit jangka masa pendek dan panjang, dan memberi kredit jangka masa pendek dan panjang, bank-bank ini juga memberi kredit fasiliti yang lain untuk menampung peningkatan jumlah perdagangan Bank-bank yang terletak di dalam kategori ini ialah Dainam Bank, Nam Phuong Bank, Cholon Bank, Saigon Credit dan Housing Bank.

3.6.4 Bank Asing Dan Pejabat Perwakilan

Penglibatan bank-bank asing di Vietnam semakin meningkat melalui penubuhan cawangan-cawangan, pejabat perwakilan atau bank usahasama. Bagaimanapun, operasi disekat oleh peraturan yang ketat dalam peraturan pertukaran wang asing oleh kerajaan Vietnam seperti ketidakubahan Dong.

Operasi bank-bank asing bertambah rumit lagi dengan peraturan yang kabur mengenai cagaran bagi pinjaman domestik. Menerima aset fizikal sebagai cagaran untuk pinjamannya merupakan satu masalah kepada bank-bank itu, kerana walaupun bangunan-bangunan ini boleh dimiliki oleh pihak swasta melalui gadai janji, namun begitu tanah tersebut masih dimiliki oleh kerajaan yang memperuntukannya kepada firma-firma atau individu-individu untuk tujuan tertentu. Jadi, bank-bank telah dihalang daripada mengadakan satu tajuk yang jelas kepada cagaran itu. Tambahan pula, kekurangan pendedahan dalam peraturan kewangan yang tegas menjadikan ketidakmungkinan bagi bank-bank asing itu menilai aset dan kedudukan kewangan peminjam dengan tepat.

Secara tradisional, Vietnam hanya bergantung kepada SBV bagi sumber kewangannya. Inflasi pada tahun 1986 dan pada 1990 memaksa SBV menyekat penawaran wang. Ia juga memaksa bank-bank lain untuk menghubungi sektor swasta bagi mendapatkan sumber wang. Bank-bank tempatan meliputi 80-90% ke atas semua deposit dan pinjaman domestik. Untuk menarik lebih tabungan, pada tahun 1994 telah dinaikkan kadar bunga dan bank-bank domestik dibenarkan untuk menetukan kadarnya sendiri.

Langkah itu tidak menampakkan hasil di mana tabungan persendirian telah meningkat hanya 0.2% sahaja. Selain itu, penubuhan pasaran inter-bank untuk Dong pada tahun 1993 juga menolong bank-bank menarik kemasukan wang asing.⁵³ Bank-bank asing lebih aktif dalam urusniaga inter-bank itu. Vietnam amat bergantung kepada bank-bank asing untuk mendapat pembiayaan dan pinjaman luar negara.

Renovasi yang paling menonjol ialah tindakan kerajaan Vietnam untuk melonggarkan kawalan ke atas kadar bunga. Untuk menyelesaikan masalah inflasi yang tinggi pada 1988-1990, kerajaan telah menetapkan kadar bunga yang lebih tinggi daripada kadar inflasi. Tambahan pula, dalam ekonomi yang sedang membangun itu, kadar bunga ditetapkan mengikut sektor yang berlainan untuk mengawal peruntukan kredit. Ini mengakibatkan bank-bank menetapkan kadar bunga yang berbeza ke atas risiko yang dihadapi dalam sektor-sektor ekonomi tertentu. Walau bagaimanapun, kerajaan sedar akan keburukkannya, SBV telah mengambil langkah melonggarkan dan meliberasikan kadarnya. Tindakan ini dilakukan dengan amat berhati-hati kerana ditakuti akan menimbulkan inflasi yang tinggi lagi pada masa-masa akan datang.

Walaupun kerajaan Vietnam telah menunjukkan kemajuan dalam pembangunan sistem kewangannya, namun begitu masih terdapat banyak kelemahan yang belum diselesaikan. Ini termasuk keutamaan dalam pemberian pinjaman kepada syarikat-syarikat milik negara, kekurangan kemajuan yang jelas dalam undang-undang cagaran, dan penubuhan pasaran saham sebagai satu alternatif mendapat kewangan di kalangan orang awam.

3.7 Kesimpulan

Selama sepuluh tahun renovasi Doi Moi berlangsung telah memperlihatkan perubahan yang besar dalam polisi-polisi dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pelaburan asing dan peningkatan dalam pembangunan industri . Dibandingkan dengan negara-negara sedang membangun yang lain, undang-undang pelaburan asing di Vietnam merupakan sangat liberal dan terbuka. Manakala apa yang kurang ialah undang-undang itu dibuat atas dasar dan konteks yang luas dan tidak ada spesifikasi yang terperinci. Ini membuat pelabur-pelabur asing terencat di pertengahan jalan ke arah pelaksanaan projek pelaburan mereka. Jikalau dikaji dari segi pemprosesan perlesenannya, masa yang diberikan adalah singkat dan prosedurnya tidak kompleks dan isi kandungannya juga jelas. Bagaimanapun ini hanya betul dari segi dokumentasi dan tidak dari segi realiti sebenar. Ramai pelabur asing telah tersekat di dalam proses perlesenan dan prosedurnya sehingga ada yang putus asa dan gulung tikar dan terpaksa balik kampung. Persoalan mengenai bagaimana percanggahan yang berlaku di antara polisi dan realiti akan dibincangkan dalam Bab V.

Dengan mengkaji penentu-penentu penawarannya, Vietnam mempunyai potensi yang baik jika dibandingkan dengan Myanmar, Laos, Cambodia dan negara-negara lain. Ramai pelabur asing tertarik dengan tenaga buruh yang besar dan pasaran domestik yang berpotensi dengan penduduk yang lebih daripada 70 juta orang. Bagaimanapun penentu penawaran , tenaga buruh itu sering dijejaskan oleh ketidakmahiran tenaga buruhnya. Walau pun penduduk Vietnam dianggap cepat belajar di kalangan komuniti pelabur

asing, tetapi sikapnya yang penuh dengan maruah tinggi itu sering mencetuskan pertelingkahan, rusuhan dan sebagainya. Rusuhan-rusuhan tenaga buruh yang sering berlaku di Vietnam sekarang, walaupun pada media massa sering menunjukkan pelabur asing yang mengeksplorasikan pekerja-pekerja, tetapi mengikut hujahan orang dalaman (orang Vietnam) semasa pengkaji berada di Vietnam, kebanyakannya rusuhan itu mempunyai cerita-cerita yang lebih menarik daripada apa yang disiarkan di media. Punca rusuhan kebanyakannya adalah berkaitan dengan kes-kes kecurian, malas, penyelewengan dan sebagainya. Apabila penyelia ingin menghukum, mereka melakukan rusuhan. Ini bukan merupakan satu rahsia di Vietnam. Pendirian Persatuan Sekerja juga amat diragui kerana sering kali, akan memihak kepada pekerja Vietnam dan langsung tidak berfikir di pihak majikan.

Secara keseluruhannya, pelabur-pelabur asing menghadapai lebih cabaran dan kesulitan daripada menikmati insentif-insentif yang ditawarkan. Persoalan ini akan dibincangkan dengan lebih jelas dengan berpandukan satu kajian kes di bab berikutnya. Proses dan prosedur yang ringkas dan jelas memakan masa yang lama, undang-undang dan peraturan-peraturan yang paling liberal di Asia tidak diiringi dengan penguatkuasaan dan implemtasi yang adil dan seragam, penentu-penentu penawaran tidak digunakan secara maksimanya akan diperlihatkan berdasarkan pengalaman kajian kes yang dijalankan.

Nota Hujung

¹ Keseluruhannya, undang-undang pelaburan asing ini telah dimodifikasi secara besar-besaran sebanyak 2 kali, satu kali pada tahun 1990 dan satu kali pada Disember 1992. Undang-undang pelaburan asing yang baru diadakan pada November 1996, yang mana perubahan-perubahan yang penting ialah:

1. Parti asing boleh membuat sumbangan modal ke dalam projek-projek pelaburan yang berada di Vietnam dalam matawang Vietnamese Dong yang dihasilkan/diperolehi di dalam Vietnam.
2. Perkara-perkara yang berkaitan dengan usahasama yang memerlukan sebulat suara telah diubahsuai.
3. Perubahsesuaian dalam rejim pencukaian
4. Senarai baru sektor keutamaan yang digalakkan oleh kerajaan dikeluarkan.
5. Maksima masa yang bagi kerajaan untuk menganalisa dan meneliti satu cadangan atau usul pelaburan telah dipendekkan daripada tiga bulan kepada dua bulan. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada Appendix 1.

² Tan Teck Meng (ed), Business Opportunities in Vietnam, Nanyang Business School, Singapura, 1997, 20.

³ Dari segi perundangan, pelabur-pelabur asing boleh melabur di semua sektor ekonomi yang ada, tetapi pada masa kebelakangan ini, kerajaan telah menggalakkan pelaburan di sektor-sektor yang terdapat dalam senarai keutamaan sahaja. Sektor-sektor pilihan kerajaan disenaraikan seperti berikut:-

1. Industri minyak dan gas
2. Pembangunan zon-zon industri dan zon-zon high-tech
3. Projek pembinaan infrastruktur, termasuk pengangkutan, tenaga dan telekomunikasi
4. Industri berat seperti perlombongan, kejuruteraan metallurgical, elektroniks, kimia dan baja kimia, pembinaan kapal
5. Pengeluaran bahan-bahan pembinaan termasuk simen dan pembangunan gelas
6. Perkilangan ringan, terutama testil, kertas dan pemprosesan makanan
7. Projek-projek pertanian termasuk penapisan gula, pemprosesan kayu-kayabn, ternakan dan pertanian, penanaman dan pemprosesan pisang, kopi, getah dan cotton dan silk. Sebaliknya, sektor-sektor seperti percetakan, pelancongan, perdagangan, pengangkutan dan periklanan tidak digalakkan oleh kerajaan.

⁴ Laporan ekonomi, Vietnam Transition to the Market, World Bank, 1993, 81.

⁵ Ibid.

⁶ Carolyn L. Gates & David Truong H.D., Foreign Direct Investment & Economic Change in Vietnam, Nordic Institute of Asian Studies, Denmark, 1995, 9.

⁷ Ibid. 9.

⁸ Ibid., 22.

⁹ Foreign Investment In the Central Regions of Vietnam Stays Low, Asian Wall Street Journal, 17 Mei 1996

¹⁰ Carolyn L. Gates & David Truong H.D., Op.Cit., 18.

¹¹ Vietnam Economic Times, Julai 1996, 12.

¹² Nguyen, Quang Thai, Regional Development Plans, kertas seminar dalam Doing Business with Vietnam as a new member of ASEAN, Bandaraya Ho Chi Minh, Ogos 21, 1996.

¹³ Carolyn L. Gates & David Truong H.D., Op.Cit., 18.

¹⁴ Vietnam Economic Times, Julai, 1996.12.

¹⁵ Rajen Devadason, NAM Tour of Business, Malaysian Business, 1 April 1994., 28.

¹⁶ Nguyen, Quang Thai, Op.Cit.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Kerajaan telah klasifikasikan kawasan-kawasan itu sebagai Region 1 (kawasan mundur dan pengasingan) dan Region 2 (kawasan "susah" seperti Delta Sungai Merah, Pergunungan di Tay Nguyen). Projek-projek di region 1 yang terlibat dalam pertanian, perhutanan dan perikanan akan dikenakan 10% daripada harga minimum atau US\$5/hektar/tahun, sedangkan projek-projek yang terlibat dalam pelancongan atau haratanah di region 1 akan dikenakan 50% daripada harga minimum. Jikalau projek-projek itu terletak di

region 2, pelabur-pelabur asing akan menikmati 30% pemotongan sewa. Pengecualian cukai keuntungan selama lapan tahun akan diberikan kepada projek-projek pertanian, perhutanan dan perikanan di region 1 and 2, dan projek-projek lain menikmati empat tahun pengecualian cukai keuntungan dan 50% pemotongan kepada empat tahun berikutnya. Keterangan lanjut boleh didapati dalam Vietnam News, 18/12/1997.

¹⁹ Caroyln L. Gates & David Truong, David H.D., Op.Cit., 19.

²⁰ Reinald Chua, Local Officials in Vietnam Push for Big-Ticket Projects, Asian Wall Street Journal, 28 Mei 1996

²¹ Ibid.

²² Caroyln L. Gates & David Truong H.D., Op.Cit.19.

²³ Nguyen, Duy Khien, Doing Business in Vietnam, Vietnam Chamber Commerce and Industry, Hanoi, 1996, 41.

²⁴ Business Vietnam, Februari-Mac, 1997, 25.

²⁵ Cukai keuntungan terbahagi kepada empat bahagian seperti berikut:-

(1) Kadar cukai umum

Projek-projek akan dikenakan di bawah kadar 25% termasuk hotel, bank and kewangan, insuran, perakaunan, audit, perniagaan dan aktiviti lain yang bukan dalam kriteria insentif. Projek-projek di atas juga boleh dipertimbangkan mendapat pengecualian cukai keuntungan selama setahun pada tahun pertama ia mendapat keuntungan dan pemotongan cukai 50% selama dua tahun kemudian.

(2) Syarikat-syarikat asing yang dianggap berguna kepada pembangunan ekonomi di Vietnam.

Kadar 20% dikenakan dalam projek-projek yang memenuhi sekurang-kurang mempunyai dua kriteria seperti mengupah labih daripada 500 pekerja, menggunakan teknologi yang maju, mengeksport sekurang-kurang 80% daripada pengeluarannya dan mempunyai modal legal atau modal dibayar sekurang-kurang US\$10 juta. Projek-projek yang membayar kadar 20% juga layak untuk mendapat pengecualian cukai keuntungan selama dua tahun selepas tahun pertama mendapat keuntungan dan pemotongan cukai 50% selama tiga tahun kemudian.

(3) Projek pembinaan infrastruktur

Kadar 15% cukai keuntungan dikenakan ke atas projek-projek yang melibatkan dalam pembinaan infrastruktur, pengeksploitasi sumber-sumber alam (kecuali minyak, gas dan bahan galian yang berharga), industri berat seperti kejuruteraan metallurgy, kimia asas, perkilangan dan simen, pertanian tunai, pelaburan di dalam kawasan yang mempunyai kesulitan dari segi semulajadi dan sosio-ekonomi dan juga di kawasan pergunungan (termasuk projek hotel, kecuali projek yang melibatkan pengeksploitasi besi yang berharga) dan memindah pemilikan kepada parti Vietnam selepas penghentian projek tersebut tanpa menuntut pampasan. Projek-projek tersebut layak mendapat pengecualian cukai keuntungan selama dua tahun selepas tahun pertama mendapat keuntungan dan pemotongan cukai sebanyak 50% selama empat tahun kemudian.

(4) Projek-projek yang penting

Kadar cukai keuntungan sebanyak 10% dikenakan ke atas projek-projek yang melibatkan ke dalam BOT, projek pembinaan infrastruktur di kawasan-kawasan kesulitan semulajadi dan sosio-ekonomi dan juga di kawasan pergunungan, projek perhutanan semula dan projek pelaburan yang mempunyai kepentingan yang besar. Pengecualian cukai selama empat tahun mungkin diberi dari tahun pertama ia mendapat keuntungan dan pemotongan 50% selama empat tahun kemudian. Selain itu, individu dan syarikat asing yang melabur semula keuntungan ke dalam Vietnam labih tiga tahun berturut-turut juga layak menerima bayaran balik cukai keuntungan yang telah dibayar. (sama dengan jumlah yang telah dilabur semula)

²⁶ Dari segi undang-undang, pelabur-pelabur asing dapat mengirim balik keuntungan selepas membayar cukai withholding dan tanggungjawab yang lain, tetapi dalam praktisnya ia susah dijalankan. Kadar cukai bagi pengiriman keuntungan balik ialah 5% - Jika modal legal atau modal bagi perdagangan koperasi ialah US\$10 juta atau lebih. Kadar ini juga boleh digunakan ke dalam semua BOT projek dan EPZ dan juga *overseas Vietnamese* tidak kira berapa sumbangan legal kepita; 7% jika legal modal atau modal bagi perdagangan kooperasi ialah US\$5 juta-US\$10 juta dan 10% untuk projek-projek yang lain.

²⁷ Ibid.,15.

²⁸ Irene Nørland & Carolyn.L. Gates (ed), Vietnam in a Changing World, Nordic Institue of Asian Studies, England, 1995,.95.

²⁹ Saigon Times, Disember 9-15, 1995, 20.

³⁰ Irene Nørland & Carolyn. L. Gates (ed), op.cit., 182.

³¹ Vietnam Economic Times, Julai 1996, 17.

³² Saigon Times, Disember 9-15, 1995

³³ Ibid.

³⁴ Ibid.

³⁵ Ibid.

³⁶ Vietnam Economic Times, Julai 1996, 17.

³⁷ Ibid.

³⁸

³⁹Vietnam Economic Times, Jun 1996, 20.

⁴⁰ Saigon Times, 16-22 Mac, 1996, 13.

⁴¹ Ibid.

⁴² Saigon Times, 9-15 November, 1996, 15.

⁴³ Vietnam Economic Times, Jun 1996, 25.

⁴⁴ Kuasa pemunggahan akan ditingkatkan dari 12.6 juta ton pada masa kini ke 17.7- 19 juta ton pada tahun 2000. Kapasiti yang perlu dilabur berjumlah US\$207.5 juta meliputi US\$164.5 juta oleh Jepun untuk membaiki pelabuhan Cai Lan dan Haiphong .

⁴⁵ Saigon Times, 9-15 November, 1996,16.

⁴⁶ Ibid.

⁴⁷ Tujuan kerajaan ialah mempertingkatkan kapasiti kuasa letrik negara dari 2600 mega watt (MW) pada tahun 2000 kepada 11,000 MW pada tahun 2010. Jadi pengeluaran kuasa letrik akan mencapai 25-27 bilion kilowatt per jam (KWh) pada tahun 2000 dan 68-75 pada tahun 2010.⁴⁷ Secara umumnya ia sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negaranya.

⁴⁸ Kadar ini diambil dari tahun 1996. Kadar ini telah berkurang sebanyak lebih 50% berbanding dengan tahun-tahun dahulu.

⁴⁹ Vietnam Business Journal, Oktober 1997. Secara bandingan, Hong Kong pada masa kini mempunyai 60 tali telefon per seratus orang; Malaysia, 30.

⁵⁰ Ibid., hlm.22

⁵¹ Ibid.

⁵² Vietnam Economic Times, Jun 1996, 22.

⁵³ Ibid.